

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/2(5)  
Tarikh : 3 Februari 2024

## KENYATAAN MEDIA

### STESEN BUKIT BENDERA DIBUKA SEMULA SETELAH KERJA-KERJA MENAIK TARAF SELESAI DIJALANKAN

**Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)** berbesar hati mengumumkan pembukaan semula **Stesen Bukit Bendera** yang dinanti-nantikan, berikutan projek menaik taraf yang bermula pada 20 Mac 2021.

Dengan kos sebanyak RM10.9 juta dan usaha yang penuh dedikasi selama tiga tahun, stesen yang baru dinaik taraf kini bersedia untuk mengalu-alukan kedatangan pengunjung sekali lagi.

Dahulunya dikenali sebagai Stesen Atas Bukit Bendera, kini telah dinamakan secara rasmi sebagai **Stesen Bukit Bendera**.

Penaiktarafan tertumpu pada memperluaskan ruang menunggu dan kemudahan, bertujuan untuk meningkatkan pengalaman pengunjung secara keseluruhan dan meningkatkan daya tarikan Bukit Bendera sebagai destinasi mesra keluarga. Elemen seni bina dan reka bentuk juga mematuhi garis panduan yang ditetapkan dalam **Rancangan Kawasan Khas (SAP) Bukit Bendera 2016** dan draf **Rancangan Kawasan Khas 2020**.

#### Kemudahan

Stesen Bukit Bendera kini menawarkan ruang menunggu yang baru di tingkat satu dan kawasan beratur di tingkat bawah, yang mampu menampung 700 pengunjung - ia merupakan peningkatan yang ketara daripada kapasiti sebelumnya iaitu 250 orang. Projek ini memperluaskan ruang satu tingkat semasa seluas 800 meter persegi kepada ruang dua tingkat seluas 1,422 meter persegi.

Dibina seabad yang lalu semasa pembangunan awal stesen, Stesen Bukit Bendera merupakan bukti komitmen PBBPP untuk memulihara dan memelihara warisan. Kepentingan sejarah bangunan stesen asal telah dipelihara dengan teliti, memastikan daya tarikan seni binanya kekal utuh. Hari ini, pengunjung masih dapat melihat bangunan asal stesen yang mengagumkan dan menjadi tugu peringatan sejarah Bukit Bendera yang kaya.

Pada masa yang sama, stesen ini dipertingkatkan dengan kemudahan moden untuk menyediakan persekitaran yang lebih selesa dan mesra keluarga untuk semua orang. Gabungan harmoni masa lalu dan masa kini bukan sahaja menghargai sejarah stesen yang kaya tetapi juga menawarkan pengalaman kontemporari dan menyeronokkan untuk pengunjung.

Antara kemudahan termasuk kaunter tiket, kaunter nombor giliran, lif, eskalator, tandas, dan bilik persalinan bayi. Selain itu, menara telekomunikasi juga dipasang di stesen untuk sambungan yang lebih baik dan pengalaman pengunjung di stesen.

## Meningkatkan Kebolehcapaian

Stesen Bukit Bendera menawarkan ciri kebolehcapaian yang dipertingkatkan untuk menampung warga emas dan mereka yang berbeza kemampuan. Lif dan eskalator menyediakan akses yang lebih mudah ke tingkat 1, memastikan pengunjung dapat menikmati pemandangan yang menakjubkan.

Stesen yang dinaik taraf itu kini bersambung terus ke *David Brown's Restaurant & Tea Terrace*, menyediakan akses mudah untuk pengunjung, termasuk akses ke SkyLift yang menawarkan laluan terus ke *KOTA & The Loaf Railway Cafe* dan *Penang Hill Gallery@Edgecliff*. Ini meningkatkan ketersambungan keseluruhan pengalaman Bukit Bendera, membolehkan pengunjung menikmati hidangan ringan sambil menunggu perkhidmatan funikular atau sekadar berehat dan menikmati pemandangan indah yang dikelilingi oleh kehijauan yang subur.

Reka bentuk stesen ini juga memaksimumkan pemandangan, memberikan pengalaman yang mengasyikkan, termasuk pemandangan Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan Jambatan Pulau Pinang yang ikonik, menambahkan daya tarikan tambahan kepada pengalaman keseluruhan.

### Sistem *Smart Queue*

Stesen Bukit Bendera turut menampilkan sistem pengurusan *smart queue* untuk tempoh menunggu yang lebih selesa dan produktif semasa di atas bukit. Sebagai sebahagian daripada sistem ini, pengunjung dikehendaki mendapatkan nombor giliran menaiki funikular dari Kaunter Q yang disediakan di tingkat bawah Stesen Bukit Bendera sebelum menaiki funikular ke stesen bawah.

Melalui sistem pengurusan *smart queue*, pengunjung akan diberikan nombor kelompok dengan anggaran masa memasuki kawasan menaiki funikular. Sistem ini, yang telah berjaya dilaksanakan di stesen bawah, membolehkan penggunaan masa yang lebih teratur dan optimum di atas bukit. Pengunjung boleh sama ada berehat di kafe berdekatan untuk berehat yang sebelum menaiki funikular untuk perjalanan pulang.

### Amalan Lestari

Selari dengan amalan lestari, Stesen Bukit Bendera menampilkan panel solar di atas bumbung yang dilengkapi dengan bumbung hijau yang menggalakkan kelestarian alam sekitar melalui penebat semula jadi dan biodiversiti. Stesen Bawah Bukit Bendera dan Penang Hill Gallery@Edgecliff turut membawa kepada tenaga bersih, sumbangan panel solar daripada **First Solar Malaysia Sdn Bhd**.

Inisiatif ini menggariskan komitmen PBBPP terhadap amalan mesra alam, membentuk pengalaman Bukit Bendera yang lebih mementingkan alam sekitar dengan mewujudkan operasi yang lebih cekap tenaga dan menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui.

Selain itu, projek menaik taraf ini menggunakan Sistem Pengurusan Bangunan bagi mengoptimumkan penggunaan tenaga untuk operasi yang cekap di seluruh Stesen Bukit Bendera. Selain itu, sistem penuaian air hujan telah dilaksanakan untuk menyumbang kepada keperluan pengairan. Inisiatif ini selari dengan visi Kerajaan Negeri untuk pembangunan mampan, menyasarkan pengiktirafan kategori Emas bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI).

### **Dinding Biodiversiti dan Dinding Penghargaan bagi menghargai individu di sebalik tabir Pembinaan Funikular**

Terletak di dalam Rizab Biosfera UNESCO, Stesen Bukit Bendera juga mempamerkan dinding berinfomasi yang menunjukkan kekayaan biodiversiti kawasan itu. Pengunjung boleh menyelami Rizab Biosfera Bukit Bendera dan juga mengetahui tentang individu-individu yang menyumbang kepada pembinaan funikular.

Dinding penghargaan itu sebagai penghormatan kepada wira tidak didendang yang menggunakan keringat mereka untuk membina landasan funikular, termasuk Arnold Robert Johnson (1879 – 1966), jurutera yang mereka bentuk landasan funikular Bukit Bendera yang bersejarah. Pengunjung juga dapat melihat keratan berita lama tahun 1923 yang memperincikan pembukaan landasan funikular di dinding tersebut. Dinding ini sebagai penghargaan kepada mereka yang berkorban dan menyumbang kepada pembinaan landasan funikular ikonik ini.

PBBPP mempelawa orang ramai untuk menyertai kejayaan ini, menandakan pembukaan semula Stesen Bukit Bendera sebagai destinasi popular dengan kemudahan yang dipertingkatkan, inisiatif lestari, dan komitmen untuk menyediakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan untuk semua, serta menawarkan pengalaman sebagai pintu masuk ke Rizab Biosfera Bukit Bendera.

#TAMAT#

## Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Lee Shew Yean  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[sylee@penanghill.gov.my](mailto:sylee@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[litan@penanghill.gov.my](mailto:litan@penanghill.gov.my)